

94-159

Siri Kenegaraan

**Kemerdekaan
Persekutuan
Tanah Melayu**

Teh Rohaya Yusof
Sulaiman Zakaria

Pustaka Mutiara
Kuala Lumpur

APB

708146

NASKAH PEMERIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA, MALAYSIA

28 DEC 1993

PUSTAKA MUTIARA
D8, Taman Kok Doh
Off Jalan Segambut
51200 Kuala Lumpur
Tel: 03-6887711/6887722

Cetakan Pertama 1993

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak Penerbit

ISBN: 983-73-0062-0 (Siri)

Dicetak oleh
KOSNET PRESS SDN BHD
KUALA LUMPUR

Prakata

Perasaan cinta kepada negara harus dipupuk di kalangan kanak-kanak seperti kata peribahasa melentur buluh ketika masih rebung. Apabila perasaan ini sudah tersemai dalam hati setiap kanak-kanak, negara tidak akan menghadapi sebarang masalah seperti perpaduan dan sebagainya.

Buku-buku dalam Siri Kenegaraan memberi pelbagai pengetahuan kepada kanak-kanak sekolah seperti bidang pentadbiran, kebudayaan, keselamatan dan sebagainya. Pengetahuan ini amat berguna kerana mengenali Malaysia bererti cinta kepada Malaysia.

Semoga penerbitan buku-buku ini dapat menjawab soalan-soalan yang sentiasa dikemukakan oleh kanak-kanak sekolah tentang sebahagian daripada negara Malaysia.

Januari
Kuala Lumpur

Penulis

KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Pengenalan

Kamu kenali negeri kamu sebagai Malaysia. Tahukah kamu sebelum tahun 1963, negeri kamu bernama Persekutuan Tanah Melayu? Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pada tahun 1963, nama Persekutuan Tanah Melayu ditukar kepada nama Malaysia.

Berapa tahunkah negara kita telah mencapai kemerdekaan? Hingga tahun 1992 Malaysia telah mencapai kemerdekaan selama 35 tahun. Selama 35 tahun negara kita telah mencapai kemajuan sedikit demi sedikit.

Pemimpin-pemimpin kita telah berusaha membawa kemajuan kepada rakyat. Kini negara kita telah dikenali oleh negara luar.

Sebelum mencapai kemerdekaan rakyat negara ini hidup dalam keadaan kesusahan.

Negara kita pada masa itu tidak maju. Mengapa negara kita tidak maju?

(Negara kita tidak maju kerana pemerintah Inggeris tidak mahu memberi kemajuan kepada rakyat negara ini.) Mereka lebih suka mengaut harta kekayaan negara ini dan membawa balik ke negara mereka. Kamu tahu negara kita terkenal dengan bijih timah dan getah.)

Kerajaan British menyuruh rakyat negeri ini melombong bijih timah. Mereka menggunakan kapal korek untuk mendapatkan bijih timah dengan lebih banyak. Begitu juga dengan getah, disuruh rakyat menanam getah. Akhirnya mereka mengaut hasil getah itu untuk kemajuan di negeri mereka, Britain.

Pemimpin rakyat Tanah Melayu sedar tentang perbuatan jahat kerajaan Inggeris. Mereka mula menentang kerajaan Inggeris yang menindas penduduk Tanah Melayu.

Nama-nama pemimpin Melayu seperti Dato' Maharajalela, Dato' Naning, Rentap dan

sebagainya tercatat dalam sejarah. Mereka menentang Inggeris pada abad ke-18.

Bagaimanapun, perjuangan pejuang-pejuang ini menemui kegagalan. Rakyat tidak bersatu. Mereka tidak mempunyai alat senjata yang cukup.

Penjajahan Inggeris semakin meluas selepas tahun 1870. Orang Inggeris sudah menjajah negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Kemudian orang Inggeris memerintah negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis.

Negeri-negeri utara ini asalnya di bawah naungan kerajaan Siam. Pada tahun 1909 orang Inggeris membuat perjanjian dengan kerajaan Siam. Kerajaan Siam menyerahkan negeri-negeri tersebut kepada orang Inggeris.

Penentangan Terhadap Orang Inggeris

Pada abad ke-20, beberapa orang pemimpin Melayu cuba menentang orang Inggeris. Mereka

berjuang dengan berani untuk mempertahankan kedaulatan negara ini. Mereka sangat benci kepada orang Inggeris.

Kelantan

Penentangan di Kelantan bermula apabila orang Inggeris melaksanakan undang-undang baharu. Penduduk Kelantan dikenakan berbagai-bagai cukai seperti cukai kepala, cukai buah kelapa, cukai pokok sirih dan cukai pokok buah-buahan. Kehidupan penduduk semakin susah.

Tok Janggut atau nama sebenarnya Haji Mat Hassan, Engku Besar, Penghulu Adam dan Ishak Merbul adalah nama-nama pemimpin yang terkenal dalam sejarah menentang kekuasaan Inggeris di Kelantan. Mereka pejuang yang menjadi kebanggaan rakyat Kelantan.

Penentangan di Kelantan bermula di Jeram dan berpusat di Pasir Puteh. Tok Janggut seorang yang alim, berani, jujur dan mahir dalam ilmu silat. Beliau sangat dihormati oleh penduduk Jeram. Tok Janggut mendapat



Kuala Besar di Kelantan

layanan buruk daripada pejabat jajahan Pasir Puteh. Oleh itu Tok Janggut enggan membayar cukai.

Sarjan Che Wan wakil orang Inggeris dihantar ke Jeram. Tok Janggut telah membunuh Sarjan Che Wan semasa sarjan itu hendak menangkap beliau. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1914.

Tok Janggut dan pengikutnya semakin marah lalu menawan Balai Polis Pasir Puteh. Beliau menubuhkan kerajaan sementara di Pasir Puteh. Tok Janggut menjadi Perdana Menteri dan Engku Besar menjadi Raja. Orang Inggeris mengatakan mereka ini pemberontak menentang Sultan di Kota Bharu.

Kerajaan Kelantan yang dikuasai oleh Inggeris tidak berdiam diri. Kerajaan Kelantan telah meminta bantuan tentera dari Singapura dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Pasir Puteh ditawan semula oleh askar sepoi dari Taiping, Perak. Pada tahun 1915, Tok



Istana Jahar Kota Bharu, Kelantan

Janggut terbunuh sewaktu beliau dan pengikut-pengikutnya menyerang Pasir Puteh pada kali yang kedua. Gugurlah seorang pejuang bangsa.

Terengganu

Penentangan terhadap Orang Inggeris atau British berlaku di Terengganu semasa pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Pentadbiran British menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk tempatan.

Cukai hasil tanah yang tinggi dikenakan kepada penduduk. Cukai ini membebankan mereka. Sistem pentadbiran dan undang-undang British banyak yang bertentangan dengan agama Islam. Peraturan penduduk tempatan berdasarkan agama Islam.

Kerajaan British memperkenalkan sistem pas kerajaan. Penduduk mesti mendapatkan pas kerajaan ini sebelum membuka tanah, bercucuk tanam dan mengambil hasil hutan. Penduduk tempatan berasa tertindas di tanah air sendiri.

Mat Zin, Haji Zakaria dan Lebai Deraman yang dikenali sebagai Tok Janggut, mengetuai penentangan di Telemong.

Di Kuala Berang, penentangan diketuai oleh Abdullah Jurukaka, Abu Bakar Chinting, Ismail Kuala Par, Mat Tok Pitas, Penghulu Saleh Pasir Nyior dan Haji Abdul Rahman Limbong.

Nama Haji Abdul Rahman Limbong terkenal dalam sejarah penentangan di Terengganu. Beliau adalah pemimpin utama dalam penentangan terhadap pentadbiran British di Terengganu.

Haji Abdul Rahman Limbong memberitahu penduduk tempatan bahawa tanah adalah hak Allah. Pihak British tidak ada hak untuk memungut cukai atau menghalang penduduk daripada bercucuk tanam.

Haji Musa Abdul Ghani pula memberitahu pengikutnya bahawa orang Islam tidak boleh mematuhi undang-undang British.

Pada tahun 1922 kebangkitan yang pertama berlaku di Hulu Telemong. Kebangkitan berlaku kerana penduduk tempatan membuka tanah tanpa pas kerajaan. Penduduk itu ditangkap.

Haji Abdul Rahman Limbong telah membela mereka. Haji Abdul Rahman Limbong seorang peguam. Mereka dibebaskan apabila British gagal membuktikan kesalahan mereka.

Penentangan terhadap British di Kuala Berang berlaku pada tahun 1928. Penentangan ini dianggap paling besar di Terengganu. Penentangan ini berlaku apabila penduduk Kuala Berang membuka tanah dan bercucuk tanam tanpa pas kerajaan.

Penduduk Kuala Berang telah menduduki pejabat kerajaan dan memusnahkan balai polis. Kemudian mereka mara ke Kuala Terengganu tetapi dihalang oleh polis dari Kuala Terengganu dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Negeri manakah yang dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu?



*Penentangan paling besar di Terengganu berlaku di
Kuala Berang*

Beberapa orang pemimpin ditangkap dan dihukum. Antara pemimpin yang ditangkap dan dipenjarakan ialah Haji Zakaria, Abu Bakar, Abdullah Jurukaka, Lebai Hassan dan Mat Tok Pitas.

Haji Abdul Rahman Limbong tidak dihukum walaupun British mendapati beliau bersalah. Hal ini disebabkan pengaruh Haji Abdul Rahman Limbong sangat kuat. Pihak British tidak mahu menimbulkan kemarahan pengikut-pengikut Haji Abdul Rahman Limbong.

Haji Abdul Rahman Limbong di hantar ke Makkah oleh British. Di Makkah beliau mengajar agama Islam. Beliau meninggal dunia pada 16 Nobember 1929. Sementara itu British terus mengukuhkan kuasanya di Terengganu.

Sarawak

Di Sarawak, penentangan berlaku terhadap pemerintahan kerajaan Brooke. Penentangan ini berlaku pada tahun 1893. Penentangan ini diketuai oleh Banting. Beliau ialah Penghulu

Iban di Hulu Sg. Batang Lupar di kawasan Hulu Air. Brooke cuba menghapuskan adat dan amalan orang Iban. Hal ini menimbulkan kemarahan Banting dan pengikut-pengikutnya. Berbagai-bagai usaha dilakukan oleh kerajaan Brooke untuk menangkap Banting. Semua usaha itu gagal.

Pada tahun 1908 tentera Brooke dapat menewaskan Banting. Bagaimanapun, tentera Brooke masih gagal menangkapnya. Akhirnya Banting menamatkan penentangan terhadap Brooke.

Pada awal tahun 1920-an orang Dayak pula bangkit menentang kerajaan Brooke. Penentangan ini berlaku di Sungai Kanowit. Penentangan orang Dayak ini diketuai oleh Asun.

Pada masa itu orang Dayak mengalami kesusahan akibat kemelesetan ekonomi. Selepas tahun 1934, Sarawak berada dalam keadaan aman.



Kaum Dayak melakukan penentangan di Sungai Kanowit, Sarawak

Sabah

Penentangan di Sabah dilakukan oleh orang Murut. Mereka menentang pentadbiran Kompeni Berpiagam. Kompeni Berpiagam melarang orang Murut menebang hutan untuk menjalankan pertanian pindah. Orang Murut juga dipaksa membina jalan raya tanpa dibayar gaji.

Orang Murut percaya pembinaan jalan raya akan menghalau roh nenek moyang. Perbuatan ini akan menimbulkan kemarahan roh. Kepercayaan orang Murut ini bercanggah atau bertentangan dengan kepercayaan orang British.

Pada tahun 1915 pemberontakan berlaku di Rundum. Orang Murut menyerang dan membakar Pensiangan. Akibatnya Pensiangan musnah. Pemberontakan tersebut diketuai oleh Antanum.

Antanum telah membina kubu di Sungai Selangit tetapi diserang oleh askar kompeni.

Antanum terbunuh dalam serangan tersebut. Orang Murut berpindah ke Kalimantan kerana tidak suka akan pemerintahan kompeni.

(Pendudukan Jepun)

Walaupun berlaku penentangan di beberapa buah negeri di Tanah Melayu, tetapi penentangan tersebut dapat dipatahkan. Orang Inggeris bertambah kuat. Orang Melayu dapat dikalahkan.

Orang Inggeris menggunakan senjata api sedangkan orang Melayu menggunakan senjata tradisional. Kenalkan kamu senjata-senjata tradisional?

Pada tahun 1930-an muncul lagi pejuang-pejuang orang Melayu yang cuba menentang orang Inggeris. Mereka ialah Ibrahim Yaacob, Ahmad Boestamam dan Burhanuddin Helmi.

Mereka mendengar khabar bahawa Jepun akan menyerang Tanah Melayu. Mereka mengambil keputusan akan membantu Jepun



Burhanudin Helmi pejuang Melayu yang menentang orang Inggeris

mengalahkan orang Inggeris di Tanah Melayu.

Tentera Jepun mula mendarat di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941 di Pantai Sabak dekat Kota Bharu Kelantan. Jepun melancarkan serangan terhadap Tanah Melayu melalui Kota Bharu, Patani serta Singgora (Selatan Thai).

Tentera Jepun menyerang Tanah Melayu melalui utara dan pantai timur. Dua buah kapal milik British iaitu Repulse dan Prince of Wales telah ditenggelamkan oleh tentera Jepun.

Peristiwa ini berlaku di perairan dekat Kuantan pada 10 Disember 1941. Kekalahan dua buah kapal ini menyebabkan kelemahan pihak tentera Inggeris.

Menjelang 31 Januari 1942, Jepun telah menguasai seluruh Tanah Melayu. Pada 15 Februari 1942, Singapura pula jatuh ke tangan Jepun.

Leftenan Adnan yang memimpin Askar Melayu di Bukit Gap, Singapura telah berjuang




Sabah hari ini

bermati-matian untuk mempertahankan negara. Leftenan Adnan gugur sebagai seorang pahlawan.

Jepun menyerang Sabah dan Sarawak melalui pangkalannya di Cam Ranh, Vietnam. Askar Jepun menyerang Miri pada 16 Disember 1941 kerana terdapat perusahaan minyak di situ. Lombong minyak di Miri dan Lutong telah dimusnahkan oleh tentera British sebelum menyerah kalah. Pihak Jepun tidak dapat melombong minyak walaupun dapat menawan Sarawak.

Jepun berjaya menguasai Kuching pada 25 Disember 1941 dan Sibu pada 27 Disember 1941. Pada 1 Januari 1942, Jepun menyerang Pulau Labuan, Beaufort dan Membakut.

Jesselton ditawan oleh Jepun pada 9 Januari 1942. Jepun menawan Sandakan sepuluh hari kemudiannya. Pendudukan Jepun di Sabah dan Sarawak bermula selepas penawanan Kuching dan Sandakan.




Jepun meluaskan kuasa di Asia Tenggara

Jepun berjaya mengalahkan orang Inggeris di Tanah Melayu. Jepun berjaya mengalahkan bangsa-bangsa Barat yang lain di Asia Tenggara juga. Jepun mengalahkan orang Belanda di Indonesia, orang Perancis di Indo-China dan orang Amerika di Filipina.

Pemimpin-pemimpin Melayu cuba mendapatkan kemerdekaan daripada Jepun pula. Malangnya Jepun tidak jujur. Orang Melayu telah tertipu dengan janji Jepun. Orang Jepun tidak mahu memberi kemerdekaan kepada orang Melayu.

Orang Melayu marah kepada Jepun. Orang Melayu mula membenci Jepun. Mereka menentang Jepun. Mereka mengambil keputusan membantu orang Inggeris semula untuk menentang Jepun.

Apabila mengetahui orang Melayu mula menentang, orang Jepun berjanji akan memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Malangnya sebelum Jepun sempat memberi kemerdekaan, Jepun kalah dalam peperangan.



Bendera Jepun

Dua buah bandar di Jepun telah dibom oleh Amerika Syarikat. Peristiwa pengeboman bandar-bandar tersebut menjadi sejarah yang tidak mungkin dapat dilupakan oleh Jepun. Tahukah kamu nama dua buah bandar itu?

a) *Kedatangan semula Inggeris*

Akhirnya orang Jepun menyerah kalah. Orang Inggeris datang semula ke Tanah Melayu. Sekali lagi orang Melayu dijajah. Kali ini orang Melayu lebih bersemangat. Mereka telah belajar daripada orang Jepun. Boleh dikatakan semua orang Melayu bangkit menentang orang Inggeris. Mereka marah kepada orang Inggeris kerana orang Inggeris hendak menghapuskan raja-raja Melayu.

Pejuang yang terkenal ialah Dato' Onn bin Jaafar. Beliau menyatukan orang Melayu supaya berjuang menentang orang Inggeris. Dato' Onn bin Jaafar seorang yang bijak dan berani.

Rakyat mengadakan tunjuk perasaan dan perarakan untuk menentang kerajaan Inggeris.



Jalan Dato' Onn


Akhirnya kerajaan Inggeris terpaksa tunduk kepada kemahuan orang Melayu. Orang Inggeris terpaksa menerima raja-raja Melayu sebagai raja-raja yang berdaulat.

Bagaimanapun, Tanah Melayu belum diberi kemerdekaan. Tunku Abdul Rahman menjadi pemimpin rakyat. Ketika ini orang Cina dan orang India turut berjuang menentang kerajaan Inggeris.

Pemimpin orang Cina seperti Leong Yew Koh dan Tan Cheng Lock. Pemimpin orang India pula seperti E. E. C. Thuraisingham dan Tun Sambanthan.

Orang Cina dan India mula menganggap Tanah Melayu sebagai negara mereka. Mereka tidak akan pulang ke China atau India seperti ibu bapa mereka.

Tunku Abdul Rahman dan rakan-rakannya berjuang dengan menubuhkan parti politik. Mereka menubuhkan Parti Perikatan. Pada tahun 1955 Tunku Abdul Rahman dan pemimpin-



Sebatang jalan raya sempena nama pemimpin Cina Tan Cheng Lock

pemimpin bukan Melayu memenangi pilihan raya. Tunku Abdul Rahman dilantik oleh orang Inggeris menjadi Ketua Menteri.

Mencapai Kemerdekaan

Tunku Abdul Rahman tidak berpuas hati menjadi Ketua Menteri di negara yang masih dijajah. Beliau mahu Tanah Melayu diberi kemerdekaan. Beliau mahu Tanah Melayu diperintah oleh penduduk Tanah Melayu sendiri. Tanah Melayu bukan milik orang Inggeris.

Oleh itu pada tahun 1956, Tunku Abdul Rahman mengetuai rombongan kemerdekaan ke London. Mereka berunding dengan kerajaan Inggeris. Kerajaan Inggeris bersetuju untuk memberi kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Sekembalinya ke tanah air, Tunku mengadakan perhimpunan raksasa di Bandar Hilir Melaka, Melaka. Beliau ingin memberitahu rakyat bahawa Tanah Melayu akan mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Rakyat sangat gembira dengan penjelasan itu. Tempat



Memorial Kemerdekaan di Bandar Hilir, Melaka

pengisytiharaan itu digelar Memorial Kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman mengarahkan supaya Stadium Merdeka didirikan. Di situlah nanti akan dilakukan pengisytiharan Kemerdekaan pada 31 Ogos. Semua rakyat akan berkumpul di situ.

Pada 30 Ogos 1957, tepat jam 12.00 malam bendera Union Jack iaitu bendera kerajaan British diturunkan. Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan yang menandakan penjajahan British sudah berakhir di Tanah Melayu. Tanah Melayu menjadi sebuah negara yang merdeka.

Peristiwa ini berlaku di Padang Kelab Selangor. Kini padang tersebut dikenali sebagai Dataran Merdeka. Dataran Merdeka ini terletak di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur. Di sini terletak jam besar pada sebuah menara.

Keesokan harinya iaitu pada 31 Ogos 1957, kemerdekaan Tanah Melayu diisytiharkan di Stadium Merdeka oleh Tunku Abdul Rahman.



Tunku Abdul Rahman Bapa Kemerdekaan Malaysia

Peristiwa ini disaksikan oleh pembesar-pembesar negara ini dan negara asing. Orang yang paling gembira pada hari itu ialah pejuang-pejuang kemerdekaan terutamanya Tunku Abdul Rahman.

Wakil Ratu British menyampaikan dokumen-dokumen pengisytiharan kepada Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman. Beliau menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama.

DYMM Yang di-Pertuan Agong yang pertama dilantik juga. Baginda ialah Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad iaitu Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

